

Kongres Ekonomi Bumiputera 1

# Hal ehwal Bumiputera di bawah JPM

Agenda pembangunan, penyertaan dalam sektor ekonomi terus diperkasa

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Hazwan Faisal Mohamad  
bhnews@nstp.com.my

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Yassin bersetuju meletakkan hal ehwal Bumiputera di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi memperkasakan agenda pembangunan dan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi.

Perdana Menteri berkata, selepas meneliti beberapa resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera 1 (KEB 1) yang dikemukakan oleh Majlis Perundingan Melayu (MPM) semalam, beliau bersetuju untuk menyelia sendiri hal ehwal berkaitan Bumiputera.

"Saya sendiri secara peribadi dan kerajaan umumnya akan meneliti dokumen ini secara terperinci untuk tindakan susulan. Saya memberi jaminan setiap satu resolusi dalam kongres ini akan diberi perhatian dan mana yang wajar akan dilaksanakan," katanya berucap pada Majlis Penutup KEB 1 1965-2020 di Wisma MPM di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kanan (Pendidikan), Dr Radzi Jidin; Menteri Kanan (Kerja Raya), Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Noraini Ahmad dan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Gerakan Perintah Kedaulatan Perlembagaan MPM, Tun Mohamad Haniff Omar dan Pengerusi Jawatankuasa KEB 1 1965-2020, Datuk Dr Hassan Mad.

Terdahulu pada persidangan sesi pagi, KEB 1 menggariskan 13 resolusi yang perlu diberi perhatian bagi memperkasakan semula Bumiputera, antaranya mengangkat Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM) sebagai agensi ulung untuk diletakkan di Jabatan Perdana Menteri dengan Perdana Menteri sebagai menterinya.

Sebelum ini, MARA diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, manakala YaPEIM pula memang di bawah JPM namun diselia oleh menteri agama.

Selain MARA dan YaPEIM, antara agensi kerajaan berkaitan Bumiputera lain adalah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TE-



Muhyiddin menerima Resolusi KEB 1 daripada wakil Skala Holdings, Nassir Jabar sambil diperhatikan Hasan pada Majlis Penutup Kongres Ekonomi Bumiputera 1 1965-2020 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

RAJU), Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas), Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera, Pelaburan Hartanah Bhd, dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

Bagi merealisasikan perkara itu, Muhyiddin berkata, satu jawatankuasa pelaksana bersama akan dibentuk antara kerajaan dan MPM yang diterajui Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

**Saya memberi jaminan setiap satu resolusi dalam kongres ini akan diberi perhatian dan mana yang wajar akan dilaksanakan.**

Muhyiddin Yassin,  
Perdana Menteri

"Selepas itu, kita akan melihat mana satu yang boleh kita dahulukan, sudah pasti dalam situasi yang agak sukar dan mencahar sekarang (akibat pandemik COVID-19), situasi sebegini memerlukan satu dukungan dan kerjasama rapat.

"Insyallah dengan adanya gandingan bersama yang begitu baik dan hubungan yang akrab, maka saya fikir yang berat itu akan menjadi ringan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan Perikatan Nasional (PN) masih teguh untuk melaksanakan agenda Bumiputera termasuk memperkasakan modal insan dan meningkatkan penyertaan kaum itu dalam semua sektor ekonomi.

"Selepas 50 tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan, komitmen kerajaan masih teguh, PN masih teguh untuk melaksanakan agenda Bumiputera.

"Meskipun pelbagai kejayaan dicapai oleh Bumiputera di Malaysia, kita sedar masih banyak perkara perlu diperbaiki dan ditambah baik.

"Yang pasti, kita harus menerima hakikat bahawa Bumiputera adalah kaum yang paling miskin dengan insiden kemiskinan mutlak tertinggi iaitu 7.2 peratus berbanding kaum Cina, 1.4 peratus dan India 4.8 peratus pada tahun lalu," katanya.

Dari segi jurang pendapatan, perbezaan pendapatan purata di antara Bumiputera dan Cina ialah sebanyak RM2,802, iaitu empat kali lebih tinggi berbanding pada 1989.

"Kedua-dua indikator yang saya sebutkan ini memberikan gambaran bahawa kaum Bumiputera masih ketinggalan berbanding kaum lain walaupun pelbagai usaha dibuat melalui Rancangan Malaysia sejak bermulanya DEB," katanya.

Beliau berkata, kaum Bumiputera perlu bergerak seiring dengan perkembangan ekonomi dunia, termasuk merangka dan mewujudkan ekosistem Bumiputera yang lebih positif, berdaya saing dan kompetitif dalam arus teknologi yang berkembang pesat.